

Headline Hanya USM tanpa UPU
Date 20 Jul 2011
MediaTitle Utusan Malaysia
Section Dlm Negeri
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 197,952 / 833,287

Language Malay
Page No 1,4
Article Size 322 cm²
Color Full Color
ADValue 6,364
PRValue 19,092



Reaksi KPT dalam isu pengambilan terus pelajar Hanya USM tanpa UPU

● Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak bercadang untuk membenarkan mana-mana institut pengajian tinggi awam selain Universiti Sains Malaysia (USM) membuat pengambilan terus pelajar tanpa melalui Unit Pusat Universiti (UPU).

● Kementerian juga belum menetapkan sebarang kriteria bagi melayakkan sesebuah universiti untuk memohon dikecualikan proses UPU tersebut.

● Selain Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) turut merancang untuk membuat pengambilan terus pelajar.

● Pengambilan pelajar seterusnya adalah pada September 2012. Ada setahun lagi, jadi tidak perlu terburu-buru untuk membuat keputusan (tidak menggunakan UPU)

DATUK SERI MOHAMED KHALED NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi

KPT tidak benarkan IPTA lain ambil terus pelajar - Khaled

Hanya USM tanpa UPU

Headline **Hanya USM tanpa UPU**
Date **20 Jul 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **1,4**
Article Size **322 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,364**
PRValue **19,092**

Oleh SITI MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 Julai - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak bercadang membenarkan mana-mana institut pengajian tinggi awam (IPTA) selain Universiti Sains Malaysia (USM) membuat pengambilan terus pelajar tanpa melalui Unit Pusat Universiti (UPU).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed

Khaled Nordin berkata, buat masa ini hanya USM dibenarkan berbuat demikian memandangkan universiti terbabit telah pun mendapat pengiktirafan sebagai Universiti Apex.

Katanya, kementerian juga belum menetapkan sebarang kriteria bagi melayakkan sesebuah universiti untuk memohon dikecualikan proses UPU tersebut.

“Setakat ini semua kemasukan universiti perlu melalui UPU. Pihak

kementerian belum lagi membuat keputusan untuk membenarkan semua universiti berbuat demikian.

“Pengambilan pelajar seterusnya adalah pada September 2012. Ada setahun lagi, jadi tidak perlu terburu-buru untuk membuat keputusan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Universiti Malaya (UM) semalam menjangkakan akan mengikuti langkah USM untuk membuat pengambilan terus pelajar tanpa melalui UPU.

UM kini sedang menunggu lampu hijau daripada kementerian berkenaan manakala USM pula telah memansuhkan penggunaan sistem UPU setelah mendapat pengiktirafan sebagai Universiti Apex.

Bagaimanapun beberapa universiti awam lain seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menganggap sistem UPU masih relevan.



MOHAMED KHALED NORDIN